

21/06/1999

Daim jawab kritikan terhadap kerajaan, PM, diri

KUALA LUMPUR, Ahad - Selepas berdiam sekian lama, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, hari ini menyangkal pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan, Perdana Menteri dan dirinya sendiri.

Berucap menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno petang ini, Daim yang juga Bendahari Umno, menjawab satu persatu tuduhan itu termasuk dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya beliau membawa wang tunai RM1 bilion ke luar negara.

Daim turut menjawab tuduhan Anwar kononnya beliau melesapkan RM600 juta wang parti, Perdana Menteri enggan bersara dan menteri Kabinet menentang cadangan meminda Akta Pencegah Rasuah.

Beliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa kali menyuarakan hasrat untuk bersara sejak 1995 lagi dan ini diketahui umum. Malah, Anwar sendiri tahu mengenainya.

Beliau juga mengimbas kembali peristiwa yang berlaku pada petang sebelum penamaan calon pilihan raya umum 1995.

Menurutnya, ketika itu beliau berkempen di Sungai Petani dan mendengar Dr Mahathir tidak mahu bertanding.

Daim berkata, beliau menghubungi Anwar yang ketika itu berkempen di Pulau Pinang dan mereka pergi menemui Dr Mahathir di Alor Star bagi memujuknya agar tidak meneruskan hasratnya.

Pada 1996, Anwar meminta Daim bertanya Perdana Menteri bila beliau bercadang bersara.

"Sebab itu pada 1996, dia (Anwar) membuat satu usul supaya jawatan Presiden tidak ditandingi. Tetapi bila usul datang (dikemukakan), dia memasukkan jawatan Timbalan Presiden sekali (supaya tidak ditandingi), selamatlah dia," katanya.

Daim berkata, Dr Mahathir sekali lagi menyatakan hasrat untuk bersara pada akhir 1997 tetapi dia dan Anwar merayu supaya Perdana Menteri meneruskan khidmatnya kerana masalah ekonomi yang melanda negara.

"Jadi di manakah asasnya tuduhan kononnya Dr Mahathir enggan melepaskan jawatan Perdana Menteri," kata Daim.

Mengenai tuduhan dia membawa keluar RM1 bilion, Daim menegaskan beliau sendiri tidak pernah melihat wang tunai sebanyak itu, apa lagi membawanya dalam sebuah beg bimbit menaiki kapal terbang.

Kapten pesawat itu kononnya telah memberitahu perkara berkenaan kepada Bank Negara yang seterusnya memberitahu Anwar yang kemudiannya menyampaikan hal itu kepada Dr Mahathir.

Daim berkata, Dr Mahathir telah membuat siasatan sendiri dan kapten kapal terbang berkenaan mengesahkan menerusi sepucuk surat kepada Perdana Menteri bahawa perkara itu tidak betul.

Salinan surat kapten itu yang diberikan oleh Dr Mahathir kepadanya masih ada padanya, tegas Daim.

Beliau bertanya bagaimana wang tunai RM1 bilion boleh diisikan ke dalam sebuah beg bimbit dan dibawa menaiki kapal terbang. Dakwaan itu tidak menyakinkan kerana wang sebanyak itu memerlukan beberapa beg untuk mengisinya serta perlu melalui mesin pengesan di lapangan terbang dan boleh dikesan dengan mudah.

Daim berkata umum mengetahui dia kedekut dan tidak suka membawa wang tunai. Dia berbelanja menggunakan kad kredit.

Katanya ketika peristiwa itu heboh diperkatakan, beliau tidakpun singgah di Zurich, Switzerland, seperti yang didakwa, sebaliknya ke Budapest dan

Prague untuk berucap.

Katanya, sebagai Menteri Kewangan ketika itu Anwar sepatutnya menyemak dengan Bank Negara apabila wang sebanyak itu dibawa keluar dan mengapa tidak dalam bentuk cek.

"Cerita macam ini orang susah nak terima ... tapi kalau saya tak beri penjelasan mungkin orang percaya.

"Inilah cara dia buat ... dia cerita sekerat jalan dan bila PM (Perdana Menteri) minta mana dia keterangan yang Daim bawa duit, dia kata tak boleh, nanti orang (yang beri keterangan) tak mai (tak mahu datang)," katanya.

Sepanjang ucapannya itu, dewan gamat beberapa kali disebabkan kelucuan Daim menyampaikan hujahnya.

Ketika menafikan dakwaan beliau melesapkan RM600 juta wang parti, Daim berkata:

"Memang ada juga yang menderma kepada Umno, (tetapi) semuanya dikeluarkan resit. Tetapi ada derma yang tidak sampai ke tangan saya. Oleh itu, jangan buat tuduhan kepada orang lain. Namun, Umno kini tidak berhutang satu sen pun dan kompleks (PWTC) ini sudah menjadi hak Umno. Sebaliknya, sewa yang kita dapat, digunakan untuk kegiatan parti," katanya.

Daim berkata, beliau juga dituduh meluluskan lesen perjudian di Sabah sehingga dikecam oleh parti pembangkang sebagai tidak peka sedangkan ia sebenarnya diluluskan pada 1996 ketika Anwar Menteri Kewangan.

"Kita tidak mahu terbabit dalam perjudian dan itu semua orang tahu. Bagi Anwar yang tidak baik, dia salahkan orang. Yang baik dia buat, yang tak baik orang lain buat.

"Begitu juga dengan (pindaan) Akta Pencegah Rasuah. Dia (Anwar) buat kerana dia mahu, konon semua menteri lain tak senang dengan akta ini. Kalau ramai menteri tak senang hati, macam mana boleh buat. Ia memerlukan kelulusan Kabinet dan keputusan dibuat atas dasar tanggungjawab bersama.

"Dalam Kabinet, kalau ada tak bersetuju, letak jawatan dan ini pernah berlaku," katanya.

(END)